

Bil. S 44

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2018

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan bab 66A dari Penggal 35
 3. Penggantian bab 66B
 4. Pemasukan bab 66D baru
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2018

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 2018 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Oktober 2016.

Pindaan bab 66A dari Penggal 35

2. Bab 66A dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (1), dengan memotong “terdiri daripada 6” dari baris ketiga dan menggantikannya dengan “mengandungi tidak lebih daripada 10”;

(b) dalam ceraiian (10) —

(i) dengan memotong “menyaman” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “memberitahu”;

(ii) dengan memotong “saman” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “notis”.

Penggantian bab 66B

3. Bab 66B dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Hak kajian semula

66B. (1) Mana-mana orang yang, tidak puas hati dengan suatu taksiran yang dibuat ke atasnya, tidak bersetuju dengan Pemungut mengikut cara yang diperuntukkan dalam bab 65 boleh memohon kepada Lembaga dengan menyerahkan kepada setiausaha —

(a) dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis keengganan Pemungut meminda taksiran itu, suatu notis petisyen bertulis bagi kajian semula dalam dua salinan;

(b) dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis petisyen bagi kajian semula tersebut diserahkan, suatu petisyen bagi kajian semula dalam empat salinan yang mengandungi suatu pernyataan alasan petisyen itu.

(2) Suatu notis petisyen bagi kajian semula hendaklah mengandungi —

(a) suatu alamat penyampaian;

(b) satu senarai nama ahli-ahli Lembaga yang dibantah oleh pempetisyen;

(c) sebab-sebab bantahan tersebut.

(3) Pempetisyen tidak berhak membantah Pengerusi Lembaga dan lebih dari satu pertiga daripada jumlah bilangan ahli Lembaga.

(4) Selepas menerima suatu notis petisyen bagi kajian semula, setiausaha hendaklah dengan segera mengemukakan satu salinannya kepada Pemungut yang boleh, dalam tempoh 3 hari dari menerima salinan tersebut, menyerahkan kepada setiausaha satu senarai ahli-ahli Lembaga yang dibantahnya dan sebab-sebab bantahan tersebut.

(5) Pemungut tidak berhak membantah Pengerusi Lembaga dan bilangan ahli Lembaga yang dibantah oleh Pemungut tidak boleh, apabila ditambahkan kepada bilangan yang dibantah oleh pempetisyen, melebihi separuh daripada jumlah bilangan ahli Lembaga.

(6) Pengerusi Lembaga hendaklah memutuskan sama ada sebab sebarang bantahan kepada mana-mana ahli di bawah cerai (2) atau (4) adalah wajar.

(7) Jika Pengerusi Lembaga memutuskan di bawah cerai (6) bahawa sebab sebarang bantahan itu adalah wajar, ahli Lembaga yang berkaitan dengannya bantahan itu dibuat tidak boleh hadir dalam pendengaran petisyen bagi kajian semula pempetisyen.

(8) Jika Pengerusi Lembaga memutuskan di bawah cerai (6) bahawa sebab sebarang bantahan itu adalah tidak wajar, Pengerusi Lembaga hendaklah dengan itu menolak bantahan tersebut dan memberitahu pempetisyen atau Pemungut.

(9) Jika suatu bantahan telah ditolak oleh Pengerusi Lembaga di bawah cerai (8), ahli Lembaga yang berkaitan dengannya bantahan itu dibuat boleh hadir dalam pendengaran petisyen bagi kajian semula pempetisyen.

(10) Keputusan Pengerusi Lembaga di bawah cerai (6) adalah muktamad.

(11) Pengerusi Lembaga boleh, mengikut budi bicaranya dan atas terma-terma sebagaimana yang difikirkannya patut, membenarkan mana-mana orang untuk meneruskan kajian semula walaupun notis petisyen bagi kajian semula atau petisyen bagi kajian semula itu tidak diserahkan dalam masa yang diadkan oleh bab ini, jika dibuktikan sehingga memuaskan hati Pengerusi Lembaga bahawa orang itu dihalang daripada menyerahkan notis atau petisyen bagi kajian semula dalam masa yang sepatutnya kerana tidak berada di Negara Brunei Darussalam, sakit atau sebab lain yang munasabah dan bahawa tiada kelambatan yang tidak munasabah di pihaknya.

(12) Kecuali dengan persetujuan Lembaga dan atas terma-terma sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga, pempetisyen tidak boleh dalam pendengaran petisyen bagi kajian semulanya bersandar kepada apa-apa alasan petisyen bagi kajian semula selain daripada alasan yang dinyatakan dalam petisyen bagi kajian semulanya.”.

Pemasukan bab 66D baru

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 66C bab baru yang berikut —

“Prosiding di hadapan Lembaga

66D. (1) Tertakluk kepada cerai-ceraian (2) dan (3), semua prosiding di hadapan Lembaga hendaklah didengar secara tertutup.

(2) Jika Pemungut atau pempetisyen memohon kepada Lembaga supaya prosiding itu didengar dengan cara pendengaran yang terbuka kepada orang ramai, Lembaga boleh mengarahkan supaya prosiding itu didengar sedemikian, walaupun terdapat sebarang bantahan daripada pihak lain kepada prosiding tu.

(3) Jika pada pendapat Lembaga apa-apa prosiding yang didengar secara tertutup patut dilaporkan, Lembaga boleh menyiarkan atau membenarkan penyiaran fakta kes itu, hujah dan keputusan berkenaan dengan prosiding itu tanpa mendedahkan nama pempetisyen yang berkenaan.”.

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 4 haribulan Ogos, 2018 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM